

Tingkatkan keselamatan, keleseraan reka bentuk bangunan



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar (kiri) menyampaikan Buku dan Sijil Penghargaan DAGD 2018 kepada salah seorang wakil Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 November. - Pihak-pihak yang terlibat dalam penyediaan dan proses reka bentuk pembinaan kawasan atau tempat yang mudah

diakses oleh golongan yang berkenaan hendaklah mengambil kira perancangan setiap projek bagi memastikan kesemua keperluan tersebut

menepati objektif dan peruntukan pihak klien.

Perkara tersebut ditekankan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar semasa berucap pada Majlis Pelancaran Buku Panduan 'Different Abilities Design Guidelines (DADG) 2018' yang berlangsung di Dewan Indera Pahlawan, Bangunan Pusat Latihan dan Kemahiran Kerja (MODTC), Kementerian Pembangunan.

Yang Berhormat menambah, segala usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memberikan kemudahan dan penyediaan polisi secara progresif, akan memberikan impak positif secara keseluruhan, selaras dengan visi dan misi Kementerian Pembangunan untuk memastikan penyediaan infrastruktur perumahan, bangunan dan perkhidmatan yang terbaik, sejajar dengan teras 'Kehidupan Yang Berkualiti' dalam mendukung Wawasan Brunei 2035.

Buku garis pandu tersebut bertujuan meningkatkan lagi keselamatan, keleseraan dan mengurangkan halangan di

persekitaran untuk memastikan orang-orang kelainan upaya dapat menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan di sesebuah bangunan.

Selain itu, ianya juga menitikberatkan golongan warga emas untuk membangun komuniti yang lebih inklusif melalui konsep-konsep reka bentuk yang *universal* dan keperluan lain untuk golongan tertentu seperti ibu bapa yang mempunyai anak-anak kecil, di samping memastikan bangunan-bangunan mesra keluarga disediakan dengan kemudahan seperti tandas anak-anak dan bilik penyusutan.

Buku DADG 2018 juga menyenaraikan objektif reka bentuk dan keperluan bagi bangunan-bangunan awam termasuk masjid-masjid, bangunan kerajaan, bangunan komersial dan sebagainya dengan menyediakan jalan-jalan akses bagi orang-orang kelainan upaya, termasuk warga emas yang mempunyai pergerakan yang terhad; kemudahan untuk pengguna kerusi roda seperti *ramp* dengan mengikut *gradient* yang telah ditetapkan; penggunaan *Braille* dan *tactile information* di papan tanda dan tempat strategik seperti tangga, punat lif dan tandas awam.

Buku tersebut merupakan usaha

Negara Brunei Darussalam dalam merealisasikan tuntutan negara bagi Konvensyen Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu di bawah 'Rights of Persons with Disabilities'.

Satu jawatankuasa Guidelines Review telah ditubuhkan pada Disember 2017 diterajui oleh Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI) dengan kerjasama beberapa pakar daripada sektor awam, swasta, sukarelawan dan pihak yang berkepentingan bagi mendapatkan perspektif yang lebih menyeluruh untuk meneliti kehendak Perintah Kawalan Bangunan, 2014 dan Peraturan-peraturan Kawalan Bangunan, 2014.

Setiap bab garis panduan bertujuan untuk memberikan pencerahan yang rasional mengenai setiap keperluan dengan penyediaan gambar rajah yang berkaitan untuk mengurangkan kekeliruan mengenai keperluan-keperluan dalam garis panduan ini.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Ar. Siti Rozameriyanti binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman dan Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Awang Haji Marzuki bin Haji Mohsin.

Pendidikan Islam perlu selari dengan peredaran masa



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh berucap merasmikan Seminar Antara Universiti Pengajian Lepas (SAPLI) 2018 Kelima.

GADONG, Rabu, 7 November. - Seminar Antara Universiti Pengajian Lepas (SAPLI) 2018 Kelima anjuran Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Pengajian Lepas Ijazah (PPLI) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) diadakan selama dua hari bermula hari ini di Auditorium UNISSA.

Perasmian seminar berkenaan disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh selaku tetamu kehormat.

Timbalan Menteri Pendidikan dalam ucapannya berkata, penganjuran seminar berpaksikan penyelidikan itu amat bertepatan bagi mengotengahkan ilmu teori pengajian Islam kontemporari dalam kalangan penyelidik Islam dan keperluan mengaplikasikan

dalam semua aspek kehidupan.

Menurut beliau, percambahan minda dan perkongsian dapatan penyelidikan melalui seminar itu tentunya akan dapat menyumbang kepada penambahbaikan dalam pengajaran juga pembelajaran di kedua-dua buah institusi penganjur dan dalam kalangan tenaga-tenaga akademik yang menyertai seminar tersebut.

Tambahnya, hasil seminar berkenaan dijangka akan membolehkan UNISSA dalam melahirkan graduan-graduan yang menguasai ilmu dan menggunakannya atau mengaplikasikannya bagi pembangunan juga kemajuan negara dan masyarakat.

Beliau juga menyuarakan tenaga akademik UNISSA agar memanfaatkan kecanggihan teknologi masa kini untuk keperluan ilmu pengetahuan dengan cara yang betul.

"Pendidikan Islam perlu selari dengan peredaran masa agar minat

para pelajar kita terhadap pengajian akan terus kekal dan mapan," katanya.

Oleh yang demikian jelasnya, setiap tenaga akademik UNISSA perlu ghairah dalam menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran terkini berasaskan teknologi digital.

Terdahulu, Pengarah PPLI selaku Pengerusi Seminar, Dr. Hajah Sri Rahayu @ Nurjanah binti Haji Dollah dalam ucapan alu-aluan antara lain berkata, seminar itu dapat memperkukuhkan hubungan ukhwa di antara penyelidik-penyelidik muda dalam kalangan mahasiswa juga memberi peluang untuk mempelajari dan bekerjasama dalam aktiviti penyelidikan di antara negara-negara.

Seminar ini memfokuskan kepada isu-isu pendidikan, undang-undang, tamadun dunia dan banyak lagi bidang ilmu yang diterokai.

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

Kertas perdana pada seminar itu dibentangkan oleh Rektor KUIS, Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Ab. Halim bin Tamuri dengan tajuk 'Empowering Digital Society through Integration of Multidisciplinary Aspect : Embedding Akhlak Values in Education' dan Pensyarah Fakulti Bahasa Arab UNISSA, Profesor Dr. Salahuddin bin Shamsudin, selaku pembentang ucapnata.

Sebanyak 71 kertas kerja juga dibentangkan yang melibatkan peserta dari luar negara.

Tujuan seminar yang bertemakan 'Pengajian Islam Kontemporari antara Teori dan Aplikasi' itu adalah untuk memberikan pendedahan kepada

mahasiswa akan kepelbagaian aktiviti dan projek penyelidikan untuk memperkaya pengalaman akademik mereka juga menjadi platform kepada mahasiswa membentangkan hasil penyelidikan masing-masing.

Turut hadir pada seminar tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Haji Azman bin Haji Ahmad; Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh dan R'as'e Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar.



ANTARA peserta yang menghadiri SAPLI 2018 Kelima anjuran Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

Pengeluaran Sukuk Al-Ijarah jangka pendek ke-163

Siaran Akhbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 November. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), ejen kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mengurus dan mentadbir pengeluaran Sukuk Al-Ijarah dengan sukacitanya mengumumkan kejayaan penentuan harga bagi pengeluaran Sekuriti Sukuk Al-Ijarah jangka pendek ke-163.

Jumlah pengeluaran sukuk tersebut berjumlah BND100 juta dengan butiran berikut iaitu bagi Siri Ke-163, tarikh pengeluaran adalah pada 8 November 2018 dengan tempoh matang pada 7 Februari 2019 dalam tempoh 91 hari dengan kadar sewa 1.3750 peratus.

Dengan pengeluaran ini, Kerajaan Brunei setakat ini telah mengeluarkan sekuriti jangka pendek Sukuk Al-Ijarah bernilai BND12.38 bilion sejak tawaran pertama pada 6 April 2006 dan jumlah pegangan Sukuk Kerajaan Brunei yang terkumpul sehingga 8 November 2018 adalah berjumlah BND315 juta.